

JOURNEY WITH LBS

Jadikan Malaysia
Hebat Semula (JMHS)

Cara untuk melabur
di dalam pasaran
hartanah



ALAMAT PERNIAGAAN



HQ

Plaza Seri Setia, Level 1 – 4
No.1 Jalan SS9/2
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 7877 7333
F: +603 7877 7111

CREDIT ADMINISTRATION

No. L3A-21, Plaza Seri Setia
No.1 Jalan SS9/2
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 7861 6000
F: +603 7861 6001/6002

MITC SDN BHD

No. L3-22 Plaza Seri Setia
No.1 Jalan SS9/2
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 7877 7333
F: +603 7861 8077

IPOH

No.17 Medan Ipoh 1A
Medan Ipoh Bistari
31400 Ipoh
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
T: +605 545 8520
F: +605 545 5111

MGB BERHAD

H-G, Sunway PJ @ 51A
Jalan SS9A/19, Seksyen 51A
47300 Petaling Jaya Selangor
Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 7874 5888
F: +603 7874 5889

CAMERON HIGHLANDS

B3-31-G Brinchang Square
Jalan Besar Brinchang
39100 Cameron Highlands
Pahang Darul Makmur, Malaysia
T: +605 491 5018
F: +605 491 5020

BATU PAHAT

No. 27-29, Jalan Putera Indah 12/1
Bandar Putera Indah Tongkang
Pechah 83000 Batu Pahat
Johor Darul Takzim, Malaysia
T: +607 445 8899
F: +607 445 8888





PEJABAT & GALERI JUALAN

ZON TENGAH

D' ISLAND RESIDENCE

No.3 Jalan Timur 9
D' Island Residence
47130 Puchong
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

BANDAR SAUJANA PUTRA

No. 2 & 6 Jalan SPU 1
Bandar Saujana Putra
42610 Jenjarom, Kuala Langat
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

BUKIT JALIL

E13, Pusat Bandar Bukit Jalil
Jalan Jalil Utama 2
57000 Kuala Lumpur, Malaysia
T: 1700 81 8998

ZENOPY RESIDENCES

A-1-13A Zenopy Residences
Jalan LP 7/4
Taman Lestari Perdana
43300 Puncak Jalil
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

LBS SKYLAKE RESIDENCE

No.3 Jalan Timur 9
D' Island Residence
47130 Puchong
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

LBS ALAM PERDANA

Persiaran Alam Perdana
42300 Bandar Puncak Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

KITA @ CYBERSOUTH SALES GALLERY

Cybersouth
43800 Dengkil Selangor
Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

PRESTIGE RESIDENCE

Jalan LP 7/4
Taman Lestari Perdana
Bandar Putra Permai
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

ZON UTARA

BRINCHANG SQUARE

B3-31-G, Brinchang Square
Jalan Besar Brinchang
39100 Cameron Highlands
Pahang Darul Makmur, Malaysia
T: +605 491 5018
F: +605 491 5020
HP: +6012 206 7334
+6012 209 7334
+6012 217 1334

TAMAN KINDING FLORA

Changkat Kinding
31250 Mukim Hulu Kinta
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
T: 1700 81 8998

ZON SELATAN

BATU PAHAT

No. 27-29, Jalan Putera Indah 12/1
Bandar Putera Indah
Tongkang Pechah
83000 Batu Pahat
Johor Darul Takzim, Malaysia
T: +605 445 8899
F: +605 445 8888

LBS MOLEK SALES GALLERY

G-15 & 01-15, Jalan Masai
Jaya 1, Plentong, 81750,
Johor Bahru, Johor.
T: 07-355 5511



ISI KANDUNGAN

Penjagaan Jantung	05
Jadikan Malaysia Hebat Semula (JMHS)	07
Promosi Makanan Di Hotel Scapes (Julai - Sept 2023)	11
AI Dan E-Pembelajaran Kekal Sepanjang Masa	13
Cara untuk melabur di dalam pasaran hartanah	15
Penanaman Pokok, Memulihkan Bumi	17
Peraduan Merdeka M3 Mall	19
Projek KITA Bestari (Rumah Satu Tingkat & Dua Tingkat) @ Cybersouth	21
Idaman Sari di Puchong	22
Prestige Residence	23
Pangsapuri Saujana Indah, Molek	24
LBS Bina Group Berhad Events (April - Jun 2023)	25
Tan Sri Dato' Sri Ir. Lim Hock San's Commitment to the Community	29

PERUTUSAN DARIPADA

Pengerusi Eksekutif

Dalam sekelip mata, kita telahpun mencecah di pertengahan tahun dan apabila mengimbas kembali sepanjang enam bulan pertama 2023, ianya merupakan permulaan yang menggembirakan apabila kita dilihat konsisten dan berada di landasan yang betul. Seperkara lagi yang perlu dikongsi adalah kejayaan syarikat meraih pelbagai anugerah di 'Star Property Award 2023', sebuah majlis penganugerahan berprestij yang mengiktiraf sumbangan LBS kepada rakyat dan negara. Kejayaan ini menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dan beriltizam untuk memberi yang terbaik seperti yang dijanjikan selaras dengan status pemaju pilihan rakyat Malaysia.

Baru-baru ini, menerusi kempen LBS Fabulous Extra 2022-23, yang berlangsung sehingga 31 Mei 2023, sejumlah 600 hadiah bernilai RM480,000 telah diberikan kepada pembeli rumah LBS yang bertuah. Ini merupakan Cabutan Bertuah LBS Fabulous Extra 2022-23 pusingan PERTAMA dan akan diikuti dengan cabutan seterusnya yang akan diumumkan kelak. Selaras dengan ini, kami juga telah menyediakan kempen-kempen pemasaran yang lebih menarik di masa hadapan di samping promosi yang mengujakan dan pelbagai aktiviti untuk semua pembeli rumah LBS.

Sepanjang pembinaan projek perumahan, LBS turut mengambil kira kesan dari pembangunan tersebut khususnya terhadap alam sekitar. Oleh yang demikian, kami berhasrat untuk mengimbangi perkara ini dengan usaha bersepadu demi masa depan komuniti dan kelestarian alam sekitar kita.

Selepas kejayaan pelancaran Misi Hijau LBS, mari kita terus berganding bahu! Di LBS, kami telah menyediakan sudut Kitar Semula di mana terdapat bekas dengan kod-kod warna untuk mengasingkan bahan yang boleh dikitar semula. Inilah masanya untuk mempromosikan gaya hidup yang lebih hijau dan mampan. Ayuh kita ambil serius dan bersama-sama lakukan yang semampunya demi alam sekitar di samping menekankan penggunaan sumber asli kita dengan betul.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Merdeka dan Hari Malaysia! Semoga kemeriahan majlis ini bakal memperkukuh perpaduan, kemakmuran, dan kebebasan kumpulan etnik dari semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Selamat menyambut Merdeka ke-66!

Tan Sri Dato' Sri Ir. Lim Hock San

Pengerusi Eksekutif LBS Bina Group





Penjagaan Jantung

Bersempena dengan sambutan Hari Jantung Sedunia pada 29 September 2023, mari kita lihat lebih dekat kelaziman penyakit jantung di Malaysia. Statistik menunjukkan bahawa 17% kematian di negara ini adalah disebabkan oleh penyakit jantung. Walaupun penyakit jantung tidak dapat diubati, terdapat banyak perkara yang boleh dilakukan untuk meminimumkan risiko mendapat penyakit jantung. Bagaimanapun, ia kekal sebagai punca utama kematian di Malaysia kerana jantung tidak berupaya sembuh dengan sendirinya seperti organ lain yang terdapat di dalam tubuh manusia.

Terdapat empat kategori utama penyakit jantung: Aterosklerosis Koronari/Penyakit Jantung Iskemia, Strok/TIA, Penyakit Vaskular Perifer dan Penyakit Aorta. Antaranya, Coronary Atherosclerosis/Ischemic Heart Disease merupakan punca utama kematian.

Secara umum, sebarang jenis penyakit jantung boleh menjejaskan kualiti hidup anda. Ramai di antara kita mempunyai rakan dan ahli keluarga yang sama ada yang telah meninggal dunia akibat komplikasi penyakit jantung atau kini mengalami masalah mobiliti atau lumpuh.

Jika anda bekerja, serta bergantung kepada syarikat dan perlindungan insurans, anda mungkin boleh mendapatkan rawatan awal dan mungkin juga beberapa bulan cuti perubatan bergaji, tetapi ini tidak akan berlaku selama-lamanya. Jika anda tidak pulih sepenuhnya, berkemungkinan akhirnya anda akan diberhentikan kerja dan kehilangan sumber pendapatan.

Nasihat terbaik yang boleh diberikan ialah membuat pemeriksaan kesihatan dengan doktor atau hospital yang berwibawa sebagai langkah pertama. Ujian ECG adalah ujian paling asas yang boleh anda perolehi, tetapi ia bukan piawaian emas untuk mengesan penyakit jantung. Pemeriksaan lanjut dan menyeluruh adalah angiogram, yang membawa peratusan kecil risiko apabila pewarna disuntik ke dalam badan, mendedahkan sebarang penyumbatan dalam arteri anda.

Faktor tertentu akan mempengaruhi peluang anda untuk mendapat penyakit jantung, seperti umur, jantina, sejarah perubatan keluarga, tabiat merokok, pengambilan alkohol, kurang bersenam, kurang tidur, amalan pemakanan tidak sihat dan keadaan sedia ada seperti diabetes, hipertensi, dan kolesterol tinggi.

Terdapat beberapa cadangan dan cara untuk **meminimumkan** penyakit jantung dari mengancam nyawa dan kehidupan anda.

01 Makan lebih sihat dengan melebihi sayur-sayuran dan buah-buahan dalam diet anda. Kurangkan buah-buahan yang terlalu manis, seperti mangga masak, dan sebaliknya, dapatkan pilihan baik dan berkhasiat kepada badan anda. Elakkan makanan segera dan makanan yang diproses, dan pilih makanan semula jadi seperti ikan segar atau potongan daging yang lebih sihat dan kaya dengan protein. Selain itu, elakkan makanan bergoreng, terlalu masin dan bergula, kerana ini terbukti menyebabkan masalah kesihatan. Makan lebih sihat akan memberi anda kawalan yang lebih baik terhadap paras kolesterol dan gula anda, meningkatkan peluang anda untuk mengelakkan penyakit jantung.

02 Berhenti merokok kerana ia tidak mempunyai faedah dan hanya kesan buruk yang secara langsung dan tidak langsung boleh menjejaskan kesihatan jantung anda. Menjimatkan wang yang anda belanjakan untuk rokok boleh digunakan untuk membeli makanan yang lebih sihat.



03 Bersenam dengan kerap. Sebaik sahaja anda melakukan senaman yang anda gemari, amal serta lakukan dengan kerap. Senaman yang kerap terbukti dapat menurunkan tekanan darah anda dan secara beransur-ansur mengurangkan lemak dalam badan anda. Berjalan pantas selama setengah jam setiap hari akan membantu anda menjadi lebih sihat. Walau bagaimanapun, jika anda belum bersenam, kami mengesyorkan anda merujuk kepada doktor anda sebelum memulakan sebarang rutin senaman.

04 Pastikan anda mempunyai 7 hingga 9 jam tidur setiap hari. Tidur yang cukup telah terbukti memberikan tekanan darah yang sihat, sekali gus mengurangkan serangan jantung dan strok.

05 Berhenti atau kurangkan minum alkohol. Alkohol meningkatkan tekanan darah, sama seperti merokok dan kurang tidur.

Demikian rangkuman lima cara mudah yang boleh dikawal sepenuhnya bagi memaksimumkan kesihatan jantung anda. Lakukan ini dan ingat untuk membuat pemeriksaan tahunan dengan anda untuk mencatatkan kesihatan dan kemajuan anda dan pasti keputusan yang baik menanti anda kelak. Lakukan ini diri sendiri, keluarga anda dan rakan anda.

JADIKAN **MALAYSIA** HEBAT SEMULA (JMHS)

Hari Kemerdekaan Malaysia (31 Ogos) dan Hari Malaysia (16 September) semakin hampir, dan kita boleh membantu generasi muda dengan menunjukkan kepada mereka cara hidup rakyat yang matang, dibesarkan di Malaysia. Kunci utamanya adalah contoh yang ditunjukkan oleh ibu bapa.

Berikut adalah beberapa idea yang boleh anda lakukan seisi keluarga, namun aktiviti tersebut perlu dilakukan bersama-sama. Anda tidak digalakkan untuk menghantar anak anda ke suatu tempat yang sunyi untuk berehat. Ini kerana, kita harus mempamerkan contoh bahawa kita semua harus mengambil peranan untuk menyumbang kepada negara, dan ini boleh dilakukan setiap hari.



Itulah prinsip JMHS.

01

Cadangan pertama adalah untuk menganjurkan aktiviti gotong royong bersama komuniti. Ianya boleh dilakukan keluarga atau anda boleh mengumpulkan beberapa ahli keluarga lain untuk bersama-sama melakukan aktiviti ini. Walau di mana sahaja anda berada, banyak perkara yang boleh ditambahbaik. Kebiasaannya, akan ada sekurang-kurangnya beberapa pembersihan kecil yang boleh dilakukan. Antaranya, menyapu, mengutip sampah, membuang sampah, membuang barang-barang peninggalan jiran, memotong rumput dan pokok merupakan antara kemungkinannya.. Akan tetapi kita boleh meningkatkannya lagi dengan melatih mereka untuk menjaga kebersihan bilik dan rumah mereka terlebih dahulu.

02

Projek pembersihan boleh dijadualkan selari dengan destinasi percutian anda. Sebagai contoh, kawasan pantai kebiasaannya dipenuhi puntung rokok, botol-botol plastik, bekas kosong serta bahan buangan lain.



03

Membantu di bahagian dapur dengan menyediakan dan menghidangkan makanan kepada golongan yang memerlukan akan membantu mereka untuk menghargai dan merasa betapa bertuahnya mereka berbanding orang miskin yang lain di negara ini.

04

Anjurkan pesta makanan di kawasan kejiranan anda dan minta anak-anak membakar atau memasak sesuatu untuk dijual. Cara terbaik adalah dengan melibatkan semua keluarga dan menghasilkan menu, supaya tiada pertindihan hidangan. Pastikan seluruh kejiranan diberitahu, dan jika boleh, dapatkan seramai mungkin untuk hadir pada hari tersebut. Anak-anak boleh menggunakan wang mereka sendiri untuk membeli beberapa bahan, dan membeli-belah serta memasak dan ini semua akan membantu hubungan keluarga anda. Pastikan semua orang tahu ke mana wang kutipan akan disalurkan.



05

Membantu jiran yang memerlukan adalah satu lagi cara yang baik untuk merapatkan silaturrahim sebagai sebuah keluarga dan berbakti kepada masyarakat. Mungkin ada orang tua yang tinggal bersendirian dan hidup dengan bekalan makanan yang minima, dan sesetengah daripada mereka lemah dan tidak dapat melakukan banyak perkara di rumah mereka. Dengan membantu mereka membersihkan rumah dan memperbaiki barang yang rosak, secara tidak langsung dapat memberi kesan positif kepada kehidupan mereka sekaligus mengukuhkan komuniti.

06

Memberi sedekah adalah cara terbaik untuk mengajar anak-anak agar tidak terlalu menumpukan kepada hal-hal yang bersifat material. Mainan lama, buku-buku, baju yang berada di dalam keadaan yang masih baik boleh diberikan kepada mereka yang lebih memerlukan.

07

Sebuah perpustakaan komuniti boleh dibina untuk kanak-kanak yang kekurangan sumber rujukan, dan ini boleh direalisasikan dengan menyumbang buku-buku yang tepat sekaligus membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik ini.





08

Sebuah projek mudah akan mengajar mereka sebahagian dari sejarah dan dapat meningkatkan lagi nilai-nilai yang boleh mereka pelajari dengan cara menggalakkan mereka untuk menulis atau mempersembahkan cerita pendek atau penulisan mengenai "Erti Merdeka kepada saya sebagai rakyat Malaysia"

09

Anjurkan sarapan, makan tengahari atau makan malam bersama di rumah dan jemput jiran-jiran yang berhampiran. Ini dapat mengeratkan lagi ikatan komuniti. Secara alternatifnya, anda boleh menjemput golongan gelandangan atau mereka yang kurang bernasib baik untuk turut bersama.

10

Sediakan makanan dalam kuantiti snek, bekalkan di dalam bekas dan agih-agihkan kepada komuniti gelandangan atau mereka yang memerlukan. Penyediaan makanan boleh dilakukan berasma anak-anak anda, dan berikan mereka peluang untuk mengagihkannya sendiri.

Aktiviti ini mungkin kelihatan sangat asas, tetapi ia akan membina anak-anak anda untuk menjadi orang dewasa yang penyayang, pemurah dan bertanggungjawab pada masa hadapan. Penekanan untuk membantu orang lain dan menyumbang kepada masyarakat akan menjadi sebahagian daripada pemikiran mereka. Ia juga akan membantu dalam pembangunan empati mereka terhadap orang lain yang lebih lemah atau kurang bernasib baik daripada diri mereka sendiri. Dan anda tidak pernah tahu, melalui aktiviti ini, anak-anak anda mungkin berminat untuk mengembangkan matlamat sepanjang hayat yang akhirnya akan membawa mereka ke profesion tertentu.

Sebagai alternatif, anda boleh pergi ke mana-mana taman atau kedai yang mengutamakan kanak-kanak untuk sambutan hari Merdeka dan hari Malaysia, tetapi kami tidaklah begitu mengesyorkannya kerana ia akan penuh sesak dengan orang ramai. Jadi, kami berharap anda akan mempunyai masa yang bermanfaat dan produktif untuk menjalinkan hubungan dengan seluruh keluarga anda sekaligus membangunkan generasi rakyat Malaysia yang lebih baik. Andalah yang mencorakkan masa hadapan anda.

Promosi Makanan

(Julai 2023 – Sept 2023)

Di SCAPES Hotel, kami bangga bukan sahaja di dalam memberikan pengalaman penginapan yang hebat dengan kebersihan dan keluasan bilik-bilik, tetapi juga dalam menyediakan pengalaman masakan yang luar biasa. Tiada masa yang lebih baik untuk menikmati menu kami kerana diskaun sebanyak 10% ditawarkan untuk semua hidangan daripada menu ala carte (Makanan sahaja) pada bulan Julai hingga September 2023. Selain itu, sempena sambutan Merdeka, kami berbesar hati menawarkan Set Steamboat malam Merdeka dan Set Minum Petang Hari Malaysia, kedua-duanya pada kadar diskaun sebanyak 10%. Sekarang merupakan masa yang sesuai untuk membawa diri ke kawasan berbukit bukau bagi percutian yang menyegarkan, santai dan memberi kepuasan.

Berikut adalah beberapa hidangan pada menu yang anda boleh cuba.

PROMOSI MAKANAN JULAI 2023

Daripada Lemon3:

Spaghetti Aglio Udang (RM38nett), adalah hidangan spaghetti lazat yang dimasak sempurna dengan udang segar, bersama rasa yang bersih dan menyegarkan yang tidak banyak dicampur dengan sos-sos. Ditawarkan pada setiap hari dari tengah hari hingga 10 malam.

Kari Kepala Ikan Merah (RM120nett, untuk 2 pax), adalah kari yang kaya dengan rempah ratus, dengan ikan segar yang dihidangkan bersama nasi serta papadom dan merupakan makanan keselesaan rakyat Malaysia yang cukup sempurna. Tambah RM5 untuk Teh Tarik atau Teh Ais. Ditawarkan pada setiap hari dari tengah hari hingga 9.30 malam.

Promosi Laksa (RM16nett), ini datang dalam bentuk mi sup Asam Laksa Istimewa, yang kekal dengan asal-usul tempatannya. Ianya mempunyai pelbagai rasa yang unik untuk hidangan ini. Bahan-bahan yang dicincang segar memastikan bahawa ia sentiasa menjadi pilihan yang sihat. Ditawarkan setiap hari dari tengah hari hingga 9.30 malam.

Dari Poolside Café:

Hidangan bertingkat Cucur Udang Rangup (RM28, untuk 2 pax), merupakan satu lagi kegemaran tempatan, tidak boleh dipandang rendah pada kesederhanaannya. Adunan berempah digoreng, bersama-sama dengan udang, sehingga rangup yang membangkitkan citarasa enak. Sos pencicah adalah sos cili buatan sendiri - sedap. Ditawarkan setiap hari dari tengah hari hingga 6 petang.

Jus Lemonad Mint Strawberi (RM15), ramuan menyegarkan yang diperbuat daripada puri strawberi, jus limau dan daun pudina segar, sesuai terutamanya di musim panas ini. Ditawarkan setiap hari dari 1 - 31 Julai 2023, 11 pagi hingga 8 malam.

Daripada Urban Remedy:

Mocktail Honey Blackberry Mint (RM18), gabungan sempurna manis (madu), beri hitam, jus lemon dan daun pudina segar – mengekalkan rasa segar di dalam mulut anda. Ditawarkan setiap Hari dari 1 - 31 Julai 2023 / 6.00 petang hingga 10.00 malam.



PROMOSI MAKANAN OGOS 2023

Daripada Lemon3:

Burger Ayam Bakar (RM35nett), dipanggang hingga sempurna dan disertakan dengan kentang goreng, dan perasa lain. Pilihan lazat yang memenuhi keinginan untuk burger. Setiap hari dari tengah hari hingga 10 malam.

Set Steamboat Merdeka Eve (RM45nett, per pax), ialah pilihan makanan laut segar, daging dan sayur-sayuran tempatan. Sesuai untuk perhimpunan keluarga dan rakan-rakan, kerana mangkuk steamboatnya yang besar sesuai untuk kegunaan ramai. 30 Ogos 2023, 630 petang hingga 9.30 malam.

Ayam Panggang (Suku Ayam – RM40nett, Separuh Ayam RM75nett), adalah kegemaran sepanjang masa. Dipanggang sehingga perang keemasan, jus dikekalkan dalam daging dan ia dihidangkan dengan hirisan kentang dan salad di sisi. Dari tengah hari hingga 9.30 malam.

Daripada Urban Remedy:

Mocktail Tembikai Kiwi (RM18), dibuat secara halus untuk menyerlahkan visual dua warna tembikai dan kiwi. Setiap hari dari 1 - 31 Ogos 2023, 6 petang hingga 10 malam

Dari Poolside Café:

Hidangan bertingkat Cucur Udang Rangup (RM28, untuk 2 pax), merupakan satu lagi kegemaran tempatan, tidak boleh dipandang rendah pada kesederhanaannya. Adunan berempah digoreng, bersama-sama dengan udang, sehingga rangup yang membangkitkan citarasa enak. Sos pencicah adalah sos cili buatan sendiri - sedap. Ditawarkan setiap hari dari tengah hari hingga 6 petang.

Set Minum Petang Hari Merdeka (RM38nett setiap orang), nikmati pelbagai jenis snek dan pencuci mulut kami, disertakan dengan teh atau kopi. Setiap hari dari tengah hari hingga 6 petang.

Ais Mocha Campuran (RM15), dibuat dengan adunan espresso segar kami, serbuk coklat Belanda khas, dan dicampur dengan ais kemudian diletakkan hiasan krim putar di atasnya. Sedap yang bersahaja. Ditawarkan setiap hari dari 1 - 31 Ogos 2023, 11 pagi hingga 8 malam.

PROMOSI MAKANAN SEPTEMBER 2023

Daripada Lemon3:

Kway Teow Goreng (RM35nett), klasik dari Malaysia yang didatangkan dengan telur goreng, keropok dan udang besar. Setiap hari dari tengah hari hingga 10 malam.

Ayam Panggang (Suku Ayam – RM40nett, Separuh Ayam RM75nett), adalah kegemaran sepanjang masa. Dipanggang sehingga perang keemasan, jus dikekalkan dalam daging dan ia dihidangkan dengan hirisan kentang dan salad di sisi. Dari tengah hari hingga 9.30 malam.

Set Minum Petang Hari Malaysia (RM38nett setiap orang), nikmati pelbagai jenis snek dan pencuci mulut kami, disertakan dengan teh atau kopi. Setiap hari dari tengah hari hingga 6 petang.

Daripada Urban Remedy:

Lemonad Hijau (RM18), gabungan sempurna limau, limau nipis dan buah kiwi. Ia menyegarkan dan berkhasiat. Setiap hari dari 1 - 30 September 2023, 6.00 petang hingga 10.00 malam.

Dari Poolside Café:

Pool Pizza – Piza Hawaiian Ayam (RM38nett), piza Beef Pepperoni (RM45nett); kedua-duanya mewakili pilihan paling popular yang digemari rakyat Malaysia. Setiap hari dari tengah hari hingga 6 petang.

Spicy Korean Chicken wings (3 pcs-RM18nett, 6 pcs-RM33nett), kegemaran ramai yang baru diperkenalkan bersama-sama dengan gelora K-Pop, rangup dan pedas. Setiap hari dari tengah hari hingga 6 petang.

Banana Milkshake (RM15), resepi susu kocak istimewa kami sendiri yang akan membangkitkan nostalgia anda – sesuai pada bila-bila masa. Setiap hari dari 1 - 30 September 2023, 11 pagi hingga 8 malam.



AI Dan E-Pembelajaran Kekal Sepanjang Masa

Ini adalah dunia baru yang berani, dengan portal e-pembelajaran percuma dan penggunaan AI percuma bermula 2023. Ya, pastinya AI akan menjadi arus perdana dengan pelbagai platform AI yang merangkumi ChatGPT. Faktanya ialah, terdapat sekurang-kurangnya 30 platform kekuatan dan kemampuan yang berbeza-beza pada penghitungan terakhir dan nampaknya telah menggegarkan dunia. Adakah ia perubahan besar? Ya, kelihatannya begitu.


Namun, tidak semuanya indah, "Bapa AI", Geoffrey Hinton, baru sahaja memberi mesej di Google dengan amaran mengenai keupayaan AI yang berkembang dengan pesat dan bahkan melabelnya sebagai "ancaman kepada manusia". Hampir 1,000 pakar teknologi terkemuka telah menandatangani surat terbuka yang meminta penghentian pembangunan AI. Ini kelihatan seperti peristiwa yang menakutkan.

Pastinya, AI akan mengambil alih beberapa pekerjaan yang sedang dilakukan oleh manusia (dianggarkan menjadi 85 juta pekerjaan pada tahun 2025), tetapi apa yang lebih membimbangkan adalah fakta bahawa AI dapat memalsukan berita dengan meyakinkan, dan menyebabkan kekacauan secara langsung

kepada manusia dan sekaligus mempengaruhi tingkah laku.

Jadi, potensi ancaman itu nyata, tetapi adakah ia akan menghentikan manusia untuk menggunakannya? Mungkin tidak. Hakikatnya, terdapat segelintir pelajar dan kakitangan pejabat yang tidak bertanggungjawab demi meraih keuntungan peribadi mereka. Semakin banyak kita menggunakannya, semakin banyak ia menular dan berkembang.

Apakah bidang pekerjaan yang berpotensi untuk diganti oleh AI? Menduduki senarai teratas adalah penyunting dan penterjemah, yang mungkin bermaksud penulis mungkin bakal kehilangan pekerjaan. Pekerjaan berpotensi lain termasuk apa-apa bentuk wakil perkhidmatan pelanggan, paralegal, setiausaha undang-undang, akauntan, penjaga buku, jurujual, pemandu teksi, pemandu trak pengangkutan, jurumudi (orang yang memandu kapal), penyambut tetamu, peruncit, pembantu pembedahan (mungkin juga beberapa pakar bedah), anggota tentera, pegawai penguatkuasaan undang-undang, dan pegawai kurier. Namun ianya tidak akan berlaku dalam sekelip mata.



Di sisi teknologi, terdapat platform e-pembelajaran. Platform ini terdapat dalam dua model: percuma dan berbayar. Walaupun platform e-pembelajaran berbayar menawarkan kursus premium, pada dasarnya ia masih menyediakan peluang latihan dan pembelajaran asas, yang lebih baik daripada tidak mempunyai kemungkinan belajar sama sekali.

Walaupun bagaimanapun, penting untuk memilih dengan teliti semasa pemilihan kursus, kerana masa anda amat berharga. Pastikan anda hanya melanggan modul atau kursus yang sebenarnya akan menambah kemahiran anda dan relevan untuk perkembangan kerjaya anda. Tanyakan pada diri anda apakah kemahiran yang diperlukan untuk kerja impian anda.

Perlu diingat bahawa interaksi sesama manusia dan dengan tunjuk ajar seorang pensyarah mampu menambah baik pengalaman pembelajaran dengan cemerlang. Ia juga sangat bernilai untuk dipertimbangkan dari segi ujian sama ada menduduki peperiksaan di akhir kursus yang akan membolehkan anda memperolehi sijil yang sah, yang seterusnya dapat digunakan untuk memperkukuh CV anda serta diiktiraf di dalam dan luar negara bergantung kepada rancangan di mana anda memilih untuk memohon pekerjaan.

Kesimpulannya, luangkan masa untuk meneroka banyak portal e-pembelajaran yang sedia ada dan semak ulasan yang mampu memberikan maklum balas yang berguna.

CARA UNTUK MELABUR DI DALAM PASARAN HARTANAH




Bagi permulaan, kita harus sedar bahawa tiada cara mudah untuk menjadi kaya ataupun cara untuk mudah untuk mengekalkan kekayaan anda. Betul, terdapat individu yang berjaya dan menjadi kaya serta terdapat juga individu yang menjadi lebih kaya daripada hasil mereka sebelum itu. Kini, kita dapat lihat golongan mereka yang berjaya itu mengadakan seminar atau kursus yang mengajar mereka "cara untuk menjadi kaya". Berdasarkan pengalaman penulis, tiada seorangpun ingin mengajar orang ramai dengan rela hati untuk menjadi kaya, kerana ia akan menjadikan mereka ini sebagai pesaing mereka. Pasti mereka mengajar anda beberapa perkara asas mengenai perniagaan, namun mereka tidak akan berkongsi rahsia sebenar kejayaan mereka.

Realitinya, pelaburan hartanah bukan suatu perkara yang mudah. Ramai yang telah tewas di dalam perjuangan untuk mengejar suatu yang "pasti" dan akhirnya menyebabkan kegagalan.

Salah satu cara (ia tidak semestinya perkara yang pasti) untuk meraih kekayaan adalah melalui pasaran hartanah. Dan ia biasanya melibatkan kos yang tinggi, dan realitinya mereka yang berduit ini sanggup untuk melakukan pengorbanan. Pada kebiasaannya mereka akan mengorbankan aspek tertentu dalam gaya hidup mereka, seperti tidak berbelanja untuk perkara yang tidak menghasilkan pendapatan bagi mereka.

Hakikatnya, ini bermakna anda tidak lagi akan menikmati minuman kopi Starbucks anda, dan hanya berbelanja bagi perkara yang perlu dan tidak melakukan sebarang pembelian yang tidak perlu. Ini merupakan langkah pertama, iaitu mengorbankan sebarang perbelanjaan gaya hidup dan hanya membelanjakan wang anda untuk sesuatu yang akan menjana lebih banyak wang bagi anda. Ini merupakan Langkah Pertama.

Khususnya, bagi sebarang pelaburan hartanah, harga pasaran tidak dikawal oleh kita sendiri. Pasaran sering berkait rapat dengan keadaan dunia semasa, seperti peperangan di negara asing atau pun wabak yang melanda dunia di mana ianya berupaya menjejaskan kita. Saya ingin tekankan mengenai perkara ini, dan keadaan pasaran semasa adalah **di luar kawalan kita**.



Kembali kepada Langkah Pertama, anda akan dapat mengekalkan dan meningkatkan kekayaan jika anda HANYA berbelanja untuk perkara yang boleh mengekalkan atau menambah kepada kekayaan anda. Jumlah keuntungan atau kerugian anda bergantung kepada 2 perkara, A) keupayaan anda untuk terus berpegang kepada aset tersebut di masa sukar dan sebelum nilainya meningkat secara berperingkat dan B) keupayaan anda untuk meramal keadaan pasaran semasa sama ada untuk terus simpan atau menjual aset tersebut bagi mendapatkan keuntungan maksimum atau meminimumkan kerugian.



Anda boleh mempelajari beberapa perkara asas di dalam kursus tersebut, namun realitinya, tiada siapa yang mempunyai rahsia untuk menjana kekayaan dan dengan rela hati ingin berkongsi dengan anda (serta 50 orang lain di dalam bilik itu) rahsia tersebut.

Hartanah ada satu aset yang tidak mudah untuk digerakkan seperti wang tunai atau pun emas, namun jika ada menjalankan kehidupan anda dengan mengikut langkah pertama, anda akan mempunyai simpanan tambahan yang boleh digunakan untuk membeli hartanah semasa harga jatuh, dan seterusnya jual aset tersebut bagi mengaut keuntungan apabila harga semakin menaik.

Bagaimana anda dapat memilih hartanah yang betul? Terdapat tiga cara yang anda boleh lakukan, C) beli dengan pemaju hartanah berkualiti, di mana anda akan membayar dengan harga yang premium untuk memiliki hartanah yang "berkualiti" atau D) cari pemaju hartanah yang menawarkan hartanah yang dapat memenuhi cita rasa anda dengan harga yang mampu milik, atau 3) beli rumah lama, tambah baik dan buat perubahan terhadap hartanah itu, dan jual bagi mendapatkan keuntungan.

Perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah, anda harus memahami bahawa hartanah yang anda mahu jadikan sebagai rumah dan hartanah yang anda ingin jadikan sebagai pelaburan adalah sangat berbeza. Rumah adalah satu tempat yang memberikan anda ketenangan, keselesaan, pemilikan jangka panjang dan satu tempat yang mencerminkan keperibadian anda. Hartanah bagi pelaburan pula memerlukan beberapa faktor yang dapat memenuhi permintaan ramai seperti kebolehcapaian, ketersambungan, rancangan masa hadapan serta kemudahan awam yang berdekatan – paling penting sekali, tiada ikatan emosi.

Perkara yang perlu diambil kira ialah E) adakah anda mempunyai perancangan untuk memiliki hartanah ini untuk satu tempoh masa yang lama, atau anda merancang untuk menjualnya apabila harganya sudah meningkat naik? Atau F) bercadang untuk memilikinya pada jangka masa panjang kerana ia boleh menjana pendapatan yang baik melalui penyewaan atau menjadikannya unit Air BnB?

Jika anda baru bermula untuk memiliki hartanah pertama anda, tidak salah jika anda mula membeli hartanah mengikut kemampuan dan mula membeli hartanah lain yang lebih baik selepas anda berkemampuan. Harus diingati, bahawa hartanah ini adalah satu pelaburan dan bukan sebagai bahan untuk menunjukkan siapa lagi hebat. Malahan, ia adalah lebih baik jika anda memiliki 10 hartanah yang mampu milik berbanding memilih 1 hartanah dengan harga yang mahal. Seperti pepatah lama, sikit-sikit, lama-lama jadi bukit.

Yang membawa kita ke G) Lokasi yang bagus. Tiada formula yang dapat membantu kita untuk menentukan lokasi yang terbaik, setiap lokasi mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Kunci utama bagi perkara ini, adalah untuk memaksimumkan kelebihan yang ada bagi lokasi tersebut. Risalah pemasaran daripada pemaju perumahan bukanlah satu cara terbaik untuk membuat keputusan. Apa yang anda perlukan H) Pemahaman, yang diakui, sukar untuk diperolehi oleh pelabur hartanah baru. Berani saya katakan bahawa ilmu merupakan satu perkara yang penting dalam pelaburan, jadi banyakkannya membaca berita berkaitan atau pun dari daripada sumber-sumber yang sah atau pakar pelaburan hartanah. Dekati mereka yang berpengalaman dalam industri pelaburan hartanah, bina hubungan yang baik dengan mereka bagi memahami dengan lebih lanjut mengenai pasaran hartanah.

Akhir sekali, I) miliki pekerjaan yang stabil dan terus membina kerjaya anda selain daripada melabur dalam hartanah. Ini adalah penting untuk membantu anda dalam mengurus dan membuat pembayaran bagi pinjaman hartanah anda.



Penanaman Pokok, Memulihkan Bumi



Pemanasan global merupakan satu kebimbangan yang dihadapi tidak kira di mana jua anda berada. Malangnya, ia berkait rapat dengan cara manusia "berkembang maju," menyebabkan kerosakan yang teruk terhadap alam sekitar. Kesan daripada kemusnahan alam sekitar akan memberi kesan terhadap manusia juga – hanya masa yang akan menentukan.


Bagi mereka yang menyedari akan kesan daripada pemanasan global ini, apa yang boleh kita lakukan? Satu cara paling mudah untuk kita atasi masalah ini adalah dengan penanaman pokok. Namun, tidak semua dari kita yang tinggal di kawasan perumahan yang mempunyai kawasan untuk menanam pokok, dan jika ada, kita mungkin tidak mahu ia mengganggu kawasan landskap yang telah dibina.



Sebahagian daripada kita yang tinggal di pangsapuri, kondominium atau pun rumah teres, tidak mempunyai kawasan untuk menanam pokok. Kita boleh menyokong misi penanaman pokok ini dengan menyertai program seperti kempen "Program Penanaman Pokok Bulanan 2023" (www.gec.org.my). Program ini terbuka untuk orang ramai, tiada kos bagi peserta kerana ia dibiayai sepenuhnya. Oleh itu, orang ramai dijemput untuk menyertai program ini dengan membantu untuk menanam pokok, manakala organisasi tersebut akan mengendalikan perkara-perkara lain.

Selain itu, terdapat organisasi lain seperti (apemalaysia.com) yang menerima pembayaran bagi penanaman pokok, dengan harga sekitar RM25 sepokok (anak pokok). Terdapat juga organisasi lain (freetreesociety.org) dan syarikat besar lain yang boleh bekerjasama bagi kempen penanaman pokok. Sesetengah daripada organisasi ini juga menerima pembayaran bagi penanaman pokok dan akan menyampaikan maklumat mengenai pokok yang ditanam dari semasa ke semasa.

Bagi mereka yang mempunyai sebidang tanah yang luas, anda boleh bekerjasama dengan tukang lanskap anda untuk menanam pokok yang sesuai mengikut kepada kawasan dan penggunaan anda, sambil mematuhi peraturan daripada pihak berkuasa tempatan. Penanaman pokok merupakan satu cara mudah untuk membantu memberi impak terhadap kehijauan bumi kita.



Mengapa penanaman semula pokok penting? Pokok telah terbukti penting bagi alam sekitar untuk menyediakan udara dan air yang bersih, seperti penapis udara dan air semula jadi yang menghasilkan oksigen untuk kita bernafas. Bayangkan asap kenderaan yang keluar dan kesemua pokok yang menyerap segala asap itu, mengelakkan kita menerima kesan buruk daripada asap ini.

Pokok juga bertindak sebagai penghadang pertama sebelum air hujan ini jatuh ke tanah. Air hujan ini jatuh ke atas daun dan mengurangkan impaknya sebelum jatuh ke tanah, ini banyak membantu untuk mengelakkan kita daripada menghadapi masalah seperti tanah runtuh dan banjir. Setelah air hujan ini diserap ke tanah, akar dan lapisan tanah akan bertindak sebagai sistem penapisan semula jadi yang memberikan kita sumber air yang bersih.

